

Minta pasang pembetung

Atasi masalah hakisan parit, lancarkan aliran ke pantai

>>Oleh Nor Shafinaz Sari

am@hmetro.com.my

ALOR GAJAH: Penduduk di Jalan Pasar Malam, Kampung Pantai, Kuala Sungai Baru, di sini, melahirkan rasa kecewa apabila parit di kampung mereka hanya diselenggara beberapa kali saja dalam tempoh kira-kira 20 tahun.

Mereka mendakwa, pihak berkenaan hanya menggali parit untuk mendalamkannya saja tanpa membersihkan dan melakukan penyelenggaraan.

Penduduk, Ismail Jalil, 52, berharap pihak berkuasa berkaitan dapat melurus dan memasang pembetung supaya masalah hakisan tanah di tebing parit itu dapat diatasi sekali gus melancarkan pengalirannya ke laut.

"Sekarang mereka hanya menggali parit ini untuk mendalamkannya, namun bagi saya ia tidak perlu didalamkan.

"Saya berharap mereka memasang pembetung dan meluruskan parit ini supaya masalah hakisan tebing parit dapat dibendung dan air mengalir te-



BERSEMAK...keadaan parit yang tidak diselenggara menjadi habitat haiwan liar dan berbisa.

rus ke pantai," katanya di sini, baru-baru ini.

Seorang lagi penduduk, Wahid Jantan, 62, berkata, parit yang tidak diselenggara itu sudah ditumbuhi semak-samun sehingga menjadi habitat haiwan liar dan berbisa.

"Apabila parit ini tidak diselenggara dan bersema, binatang liar seperti babi dan ular berbisa duduk di situ sehingga mendatangkan kebimbangan

kepada penduduk kampung.

"Babi hutan juga sering memusnahkan tanaman diusahakan. Malah kejadian ular masuk ke dalam rumah penduduk pun kerap berlaku," katanya.

Katanya, masalah itu sudah lama dialami mereka dan diharapkan pihak berkenaan mengambil tindakan sewajarnya demi kebaikan penduduk kampung.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri (JPS), Gapar Asan berkata, beliau akan menghantar pegawainya untuk membuat tinjauan di kawasan berkenaan.

"JPS akan mengadakan tinjauan di kawasan itu dan sekiranya benar, kami akan mengarah kontraktor bertanggungjawab untuk menyelenggara parit berkenaan," katanya ketika dihubungi.